

23/07/2001

Kurang pendedahan agama punca budaya liar

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketidakberkesanan pengajaran agama dan penyelewengan guru mungkin menjadi punca kegagalan pelajar memahami dan menjadikan agama sebagai dinding untuk mengelak daripada terpengaruh dengan budaya liar termasuk Black Metal.

Presiden Majlis Permuafakatan PIBG Kebangsaan, Prof Madya Mohamad Ali Hassan, berkata sepatutnya sukatan pelajaran agama dan moral mencukupi untuk membendung pelajar daripada terjerumus dalam kegiatan tidak sihat.

Bagaimanapun katanya, setakat ini terbukti, pelajar tidak mendapat pendedahan agama yang cukup bagi mengelakkan mereka daripada terpengaruh dengan budaya liar.

"Masa pelajar yang turut dipenuhi kegiatan kokurikulum seperti persatuan pakaian seragam pastinya dapat menghalang mereka daripada membabitkan diri dalam kegiatan tidak sihat," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pendidikan dan ajaran agama di sekolah yang kurang berkesan memungkinkan murid-murid mudah terjerumus dalam kegiatan tidak sihat seperti kumpulan Black Metal.

Sehubungan itu, Mohamad Ali meminta kerajaan memantau guru agama di sekolah kerana kegagalan pelajar menahan diri terbabit dalam kegiatan tidak sihat mungkin mempunyai kaitan dengan ketidakberkesanan pengajaran atau guru menyeleweng dengan mengajar politik atau menyemai semangat kebencian kepada kerajaan.

"Walaupun Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai menyatakan kumpulan Black Metal belum mengancam keselamatan negara, ia tetap membimbangkan kerana membabitkan masalah sosial," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, tanggungjawab menyelesaikan dan membendung masalah itu perlu ditangani semua pihak dan menyeluruh membabitkan bimbingan psikologi dan agama ke atas pelajar.

Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat yang juga Presiden Kongres Perkhidmatan Pendidikan, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud turut bersetuju dengan kemungkinan yang dinyatakan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan menjaga kebajikan guru agama bagi membolehkan mereka membentuk sahsiah pelajar dan memainkan peranan seperti guru kaunseling dan disiplin.

Bagaimanapun katanya, tempoh pelajaran agama di sekolah tidak mencukupi untuk menerapkan pelajar menjadi insan kamil kerana mereka turut terkongkong dengan pelajaran lain.

"Faktor lain ialah pengajaran agama di sekolah kebangsaan lebih berbentuk akademik yang ditentukan berdasarkan kurikulum yang disediakan Kementerian Pendidikan.

"Oleh itu, sekolah agama yang diadakan sebelah petang yang lebih menumpukan kepada pengajian al-Quran lebih sesuai untuk menerapkan sikap mulia di kalangan pelajar kerana masa pengajaran agama yang panjang," katanya.

(END)